

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 JUN 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kewajaran menaikkan tarif bekalan elektrik pada masa ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semakan tarif yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 sebahagian besarnya adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu, harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68/MMBtu. Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.09 sen/kWj atau 82% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

2. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 18% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6915**

**SOALAN:**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah terkini penjenayah negara asing yang ditahan di negara ini; dan
- (b) kesan pelaksanaan POCA dan ancaman militan di negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Sehingga 2 Jun 2014 sejumlah 16, 307 orang penjenayah warga negara asing telah ditahan di negara ini atas pelbagai kesalahan.**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, sepertimana semangat kepada Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 ini adalah untuk menurunkan indeks jenayah berat dan jenayah terancang, maka jika dirujuk kepada indeks jenayah didapati indeks jenayah berat dan jenayah terancang telah menurun sebanyak 1.8 peratus. Berdasarkan pindaan-pindaan yang telahpun dibuat terhadap Akta Pencegahan Jenayah 1959, terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan pihak polis mengambil tindakan secara lebih efektif ke atas penjenayah-penjenayah khususnya untuk jenayah berat dan jenayah terancang. Di dalam perkara ini, penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 adalah bagi membendung dan menyingkirkan sindiket-sindiket jenayah seperti :**

- (i) penggunaan senjata api yang berleluasa;**
- (ii) kejadian pembunuhan menggunakan senjata api;**
- (iii) pergaduhan ahli-ahli kumpulan kongsi gelap sesama mereka untuk merebut kawasan;**
- (iv) perebutan kawasan pengedaran dadah;**
- (v) mengutip wang perlindungan;**
- (vi) sindiket pelacuran; dan**

**(vii) sindiket perjudian.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lenggong, ancaman kegiatan militan di negara ini adalah pada tahap yang rendah dan terkawal. Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya Negara-negara ASEAN. Di sini Kerajaan memberi jaminan akan menggunakan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membendung aktiviti militan.**